



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



Kapsul Pengguna

f X t o KPDN



Belanjawan 2024
MALAYSIA MADANI

RAHMAH
KASIH SAYANG

KAMPEN BELI
BARANGAN
MALAYSIA

FRANCIS
MALAYSIA

MyCC
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

2 KANDUNGAN

KAPSUL PENGGUNA 5, SEPTEMBER–OKTOBER, 2023

4 Naratif khas: Belanjawan KPDN

5 Majlis Paluan Berundur

6 Sesi *Clock-in* YBhg. Dato' Seri KSU, KPDN

8 Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023 Zon Sabah

9 Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Pendaftaran Francais dan Lesen Jualan Langsung

10 “Tabung Palestin, Solidariti Untuk Mu”

11 Majlis Jasamu Dikenang

12 Rangkuman Belanjawan 2024



3 KANDUNGAN

KAPSUL PENGGUNA 5, SEPTEMBER–OKTOBER, 2023

14 Pra-Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023

15 Program 6 Hours Challenge Siri 1 / 2023

16 Kecerdasan Fizikal & Kesihatan KPDN tahun 2023

17 Hari Sukan Negara KPDN 2023

18 Sorok bekalan beras demi raih keuntungan

20 Kami Bertindak!

22 Malam Anugerah Festival Teater Pengguna Siswa Universiti Awam (MAKUM) Tahun 2023

23 Sorotan Lensa KPDN





Naratif Khas Belanjawan KPDN 2024

Belanjawan 2024 ini dapat diterjemahkan kepada 3 tumpuan utama iaitu menuju kepada tatakelola terbaik demi ketangkasan perkhidmatan; penstrukturkan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan; serta usaha ke arah peningkatan darjat hidup rakyat.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus komited untuk bersama menggerakkan 3 tumpuan utama ini dengan bajet yang telah disalurkan kepada KPDN. KPDN akan memastikan amalan kartel dan pakatan harga yang memberikan impak negatif kepada rakyat dan negara akan dapat diatasi dan ditangani dengan lebih berkesan.

Bagi menjamin rakyat terus mendapat pembelaan dalam menghadapi cabaran kos sara hidup, Program Payung RAHMAH yang telah dilaksanakan bermula tahun 2023 akan diperkasakan pada tahun 2024 bagi membolehkan golongan sasar daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana mendapat akses kepada barang keperluan asas pada harga yang lebih rendah berbanding harga jualan pasaran sedia ada.


KPDN akan mengambil langkah proaktif bagi memastikan kebijakan dan kepentingan pengguna dilindungi dan pada masa yang sama sektor peruncitan dan perdagangan domestik negara berkembang maju.



Majlis Paluan Berundur

YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof

Majlis Paluan Berundur bagi meraikan YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertukar keluar susulan pusingan kerja yang berkuat kuasa 26 September 2023 bertempat di Anjung Seri, KPDN.



Seluruh kepimpinan dan warga kerja KPDN serta agensi-agensi di bawah KPDN mengucapkan selamat maju jaya dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas segala jasa bakti yang diberikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof sepanjang berkhidmat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Selamat Datang

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar Ketua Setiausaha KPDN

Tahniah dan Selamat Maju Jaya
diucapkan kepada YBhg. Dato'
Seri Mohd Sayuthi bin Bakar.



YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang baharu memulakan tugas beliau secara rasmi berkuatkuasa 4 Oktober 2023 dengan sesi clock-in dan seterusnya beliau membuat pemeriksaan Perbarisan Kawalan Kehormat Penguat Kuasa KPDN sejurus tiba di Anjung Seri, Ibu Pejabat KPDN, Putrajaya.

Sorotan Lensa

Ketibaan YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar

Ketua Setiausaha
KPDN



Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023 Zon Sabah

Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia (KBM) tahun 2023 telah berlabuh di negeri di bawah bayu iaitu Negeri Sabah. Majlis perasmian Jelajah Mini Karnival KBM 2023 Zon Sabah ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertempat di Imago Shopping Mall, Kota Kinabalu, Sabah.

Antara objektif penganjuran Jelajah Mini Karnival KBM 2023 Zon Sabah ini adalah bertujuan untuk menggalakkan rakyat di Negeri Sabah ini memberi keutamaan kepada barang buatan tempatan dan merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2023.



Untuk makluman, Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia (KBM) 2023 Zon Sabah pada kali ini mendapat sambutan penglibatan seramai hampir 20 orang pempamer dengan penawaran kepelbagaiannya produk atau kluster yang memperlihatkan keunikan Negeri Sabah. Jelajah Mini Karnival ini telah berlangsung selama 3 hari bermula 15 September 2023 sehingga 17 September 2023 dengan pelbagai acara menarik bagi memeriahkan lagi karnival.

Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia ini akan menjelajah ke 5 zon dan wilayah di Malaysia sebelum melabuhkan tirainya melalui acara kemuncak Karnival Barang Malaysia pada penghujung tahun ini. Ayuh, rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyahut seruan kerajaan dalam membuat pilihan dengan mengutamakan dan membeli barang Malaysia. Barang baik barang kita!





Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Pendaftaran dan Lesen Jualan Langsung

Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Pendaftaran dan Lesen Jualan Langsung telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri langsung melibatkan penyertaan pemain industri iaitu Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 10 Oktober 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, KPDN, Putrajaya.

Majlis ini diadakan bertujuan mengiktiraf syarikat-syarikat francais dan jualan langsung yang telah berdaftar di bawah KPDN. Pada majlis ini, sesi penyerahan 36 lesen jualan langsung, 6 konsultan dan 27 sijil kelulusan pendaftaran francais oleh YB Pemangku Menteri KPDN.



Antara syarikat yang menyertai sesi pameran syarikat-syarikat francais dan jualan langsung bertempat di KPDN, Putrajaya. Turut mengiringi YB Pemangku Menteri adalah YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, KSU KPDN.

Menariknya, majlis pada kali ini mempunyai elemen pembaharuan di mana siri pameran francais dan jualan syarikat-syarikat francais dan jualan langsung.

Tujuan diadakan adalah bagi mempromosi perniagaan mereka kepada warga kementerian yang berminat untuk menjadi usahawan dan kumpulan

berminat untuk menjadi usahawan dan kumpulan perniagaan yang ingin mengembangkan perniagaan

sesi kepada konsep francais dan jualan langsung.



YB Datuk Armizan, Pemangku Menteri KPDN meluangkan masa melawat pempamer yang mengambil bahagian dalam sesi pameran di KPDN, Putrajaya.

Tabung Palestin KPDN

"Solidariti untuk mu"

Tabung Kemanusiaan Palestin bagi Perkhidmatan Awam peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah dilancarkan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 27 Oktober 2023 bertempat di Ibu Pejabat KPDN, Putrajaya.

"Tabung Palestin KPDN, Solidariti Untuk Mu"

yang dilancarkan ini sebagai inisiatif keperihatinan dan tanda solidariti dalam kalangan warga kerja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Pelancaran tabung ini diharap mampu mencapai objektif kutipan rakyat Malaysia yang disasarkan oleh YAB Perdana Menteri sejumlah RM100 juta. KPDN menyahut seruan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali yang menggesa agar kutipan sumbangan secara agresif digerakkan di setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi kerajaan dalam tempoh dua (2) minggu sebagai tanda solidariti serta semangat kemanusiaan dalam kalangan penjawat awam terhadap perjuangan rakyat Palestin.



Semoga tabung yang dilancarkan ini dapat mengurangkan penderitaan rakyat Palestin yang terkesan akibat konflik di Semenanjung Gaza, Palestin.

Dari sungai ke segara, Palestin pasti merdeka!



Majlis Jasamu Dikenang

Majlis Jasamu Dikenang telah berjaya diadakan pada 5 Oktober 2023 bertempat di Hotel Tenera, Bangi bagi meraikan 161 pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang telah bersara bermula Oktober tahun 2020 sehingga Disember 2023. Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Roszanina Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha, (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) KPDN.

Majlis yang disambut dalam suasana penuh bermakna ini bukan sahaja untuk menghargai jasa bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan mereka, tetapi turut menjadi titik pertemuan indah yang menghimpunkan semula pegawai-pegawai pesara KPDN.

*Berdayung sampan ke semenanjung,
Hendak membeli tikarlah rotan,
Budi dikenang bakti disanjung,
Kekal subur dalam ingatan.*



Rangkuman Belanjawan 2024

'Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat'



Kebajikan penduduk luar bandar akan terus diberi perhatian dengan memastikan ketersediaan bekalan barang keperluan asas menerusi Program **Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming**. Sebanyak RM 225 juta diperuntukan bagi membiayai program sedia ada termasuk diperluas ke kawasan baharu antaranya di zon Abai, Sandakan, Sabah dan Engkerabai, Mukah, Sarawak.



Program Payung RAHMAH akan diperkasakan pada tahun 2024 melalui **peruntukan sebanyak RM200 juta yang akan disalurkan untuk pelaksanaan Program Jualan RAHMAH dan Pasar RAHMAH** bagi membolehkan golongan sasar daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana akses kepada barang keperluan asas pada harga yang lebih rendah.

Rangkuman Belanjawan 2024

'Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat'



A graphic with a blue header containing the text 'KEMENAG KEMERDEKAAN MELAKA 2023' and 'KEMENAG KEMERDEKAAN MELAKA 2023'. Below this is a logo for 'KEMENAG KEMERDEKAAN MELAKA' featuring a stylized building icon. To the right, there is a photograph of several people, including a woman in a hijab and a man in a suit, waving. Overlaid on the image is the text 'RM12 JUTA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA'.

Bagi memastikan produk-produk tempatan mendapat tempat di hati rakyat, usaha pembelian produk tempatan akan diperhebat melalui Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) dengan peruntukan sebanyak RM12 juta.

A graphic with a blue header containing the text 'FRANCIS MALAYSIA' and 'FRANCIS MALAYSIA'. Below this is a logo for 'PROGRAM PENGUKUHAN FRANCAIS' featuring a stylized 'FM' monogram. To the right, there is a photograph of a group of people at what appears to be a trade show or exhibition booth. Overlaid on the image is the text 'RM10 JUTA PROGRAM PENGUKUHAN FRANCAIS'.

Program Pengukuhan Francais bagi meningkatkan eksport yang menerima peruntukan sebanyak 10 juta akan menjadi platform bagi francaisor tempatan mengembangkan perniagaan dan jenama Malaysia ke pasaran antarabangsa.

A graphic with a blue header containing the text 'Belanjawan 2024' and 'MALAYSIA MADANI'. Below this is a logo for 'MYCC SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA' featuring a stylized flower icon. To the right, there is a photograph of a factory or industrial setting where workers are operating machinery. Overlaid on the image is the text 'RM10 JUTA KEPADA MYCC'.

Peruntukan RM10 juta kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan digunakan untuk memastikan amalan kartel dan pakatan harga yang memberikan impak negatif kepada rakyat dan negara akan dapat diatasi dan ditangani dengan lebih berkesan.



Pra-Pelancaran

Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) tahun 2023

Majlis Pra-Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 (KBBM) telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) pada 13 September 2023 bertempat di Sri Pentas Bandar Utama, Selangor.

Kempen Beli Barang Malaysia 2023 (KBBM) akan mengetengahkan beberapa inisiatif strategik yang mana akan membantu melonjakkan ekonomi domestik, meluaskan pasaran produk tempatan di samping membantu penerimaan rakyat terhadap barang Malaysia.

KPDN telah menjalankan kerjasama strategik bersama 16 syarikat peruncitan tempatan terkemuka negara dan juga 3 platform dalam talian bagi memastikan produk tempatan terus diperkasa menerusi syarikat-syarikat terbabit.

Beberapa inisiatif yang dirancang termasuklah pemerkasaan produk tempatan di dalam industri peruncitan tempatan dan platform dalam talian, Karnival Barang Malaysia, jualan bertema berdasarkan segmen khusus dan juga kolaborasi strategik media animasi digital.

"Jom Sokong dan Beli" Barang Malaysia

"Barang Baik, Barang Kita"

Program 6 Hours Challenge

perkasa penggunaan e-wallet

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDi) telah melaksanakan Program 6 Hours Challenge dengan kerjasama strategik bersama syarikat penyedia e-wallet terpilih iaitu Touch & Go dan Bank Negara pada 23 September 2023 bertempat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program ini dilihat sebagai salah satu platform dalam membudayakan advokasi digital melalui konsep *public to public awareness* selain meningkatkan keyakinan peniaga-peniaga tempatan untuk berdaftar dengan penyedia-penyedia e-wallet terpilih dalam menyediakan kemudahan pembayaran melalui aplikasi e-wallet. Secara tidak langsung, Program ReDi ini berupaya mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*)



Flagoff telah dilepaskan oleh YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan-Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, KPDN pada jam 9 pagi dan melibatkan sebanyak 16 kumpulan terdiri daripada pegawai KPDN seluruh Malaysia.

Karnival Kecerdasan Fizikal & Kesihatan KPDN Tahun 2023

Sambutan Karnival Kecerdasan Fizikal dan Kesihatan merupakan salah satu inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memupuk gaya hidup sihat dan memberi peluang dan landasan (platform) kepada seluruh warga kerja KPDN untuk menonjolkan bakat dalam sukan.

Untuk makluman, penganjuran karnival sukan dan kecerdasan edisi ke 3 bagi tahun 2023 ini berlangsung selama 5 hari bermula 5 sehingga 9 September 2023 di Kompleks Sukan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.



Pelbagai kejohanan acara dipertandingkan pada edisi kali ini antaranya sukan badminton, dart, bola tampar, sepak takraw, ping pong dan kejohanan bola sepak serta bola jaring. Turut mendapat sambutan adalah kayuhan santai di sekitar USM, Pulau Pinang anjuran PUSPANITA KPDN.

Kehangatan dan kemeriahkan karnival ini semakin terasa apabila setiap pasukan daripada setiap negeri sentiasa memberi sokongan dan sorakan yang padu kepada wakil atlet masing-masing. Pastinya ini menyuntik lagi semangat para atlet yang mengambil bahagian dalam setiap acara yang dipertandingkan.

Hari Sukan Negara Peringkat KPDN

Hari Sukan Negara merupakan acara tahunan anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi merealisasikan hasrat dan inspirasi kerajaan dalam menggalak, serta mewujudkan golongan masyarakat #MalaysiaMADANI yang aktif bersukan dan beriadah serta menjadikannya sebagai satu rutin dalam kehidupan seharian. Kerajaan juga telah meletakkan status aktiviti sukan dan riadah ini sebagai sebuah agenda nasional dalam melahirkan masyarakat yang sentiasa sihat, aktif dan cergas.

Bagi menyahut seruan kerajaan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) turut memeriahkan Hari Sukan Negara dengan pengajuran Hari Sukan Negara peringkat KPDN tahun 2023 pada 13 Oktober 2023 bertempat di Anjung Seri dan Dewan Serbaguna KPDN.



YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN turut mengambil kesempatan meluangkan masa untuk turun padang melihat dan memberi sokongan kepada warga KPDN yang terlibat pada Hari Sukan Negara peringkat KPDN 2023 dan turut mencuba acara sepakan penalti.



Sambutan Hari Sukan Negara peringkat KPDN ini telah disertai oleh warga kerja KPDN dan sebanyak lima (5) acara telah dipertandingkan; antaranya ialah bowling trio, tapak gajah, sepakan penalti lelaki dan wanita, chapteh dan kelereng roda.





Sorok bekalan beras demi raih keuntungan

Beras merupakan makanan ruji yang paling penting di negara kita. Setiap hari kita pasti akan menjamah nasi kerana ianya merupakan sumber makanan yang sangat diperlukan dan beras dikategorikan sebagai barang keperluan asas bagi seluruh rakyat Malaysia.

KPDN sedia **memantau!**

Di peringkat KPDN dalam konteks pencatutan, menyorok bekalan beras dan sebagainya, KPDN melalui OPSJAMIN dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedia untuk turun padang dan melakukan pemeriksaan dan pemantauan bekalan dan harga beras di semua peringkat rantai. Namun, tindakan penguatkuasaan adalah di peringkat KPKM kerana ia berkaitan bekalan beras.

KPDN juga akan terus menggiatkan tindakan penguatkuasaan di bawah perundangan dan bidang kuasanya terutamanya dalam menangani isu penukaran label kampit beras yang dikhuatir berlaku susulan pelarasan harga baharu bagi Beras Putih Import (BPI).

Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama di bawah Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 atau mengikut Seksyen 12 (1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu dengan memberi gambaran mengelirukan mengenai harga barang atau perkhidmatan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARAH HIDUP



DENDA / PENJARA

- JIKA TUKAR LABEL/ BUNGKUSAN BERAS TEMPATAN



INDIVIDU

Denda sehingga **RM100,000, atau Penjara** tidak lebih 3 tahun, atau kedua-duanya



SYARIKAT

Denda sehingga **RM250,000**

MANA-MANA PIHAK YANG BERTINDAK MENUKAR LABEL/ BUNGKUSAN BERAS TEMPATAN DAN MENJUAL PADA HARGA RUNCIT BERAS IMPORT DEMI KEUNTUNGAN LEBIH BOleh DIKENAKAN TINDAKAN DI BAWAH **AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011**



KAMI BERTINDAK!

1 Penguat Kuasa KPDN serbu premis di syaki tempat melakukan aktiviti penyelewengan LPG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) atau decanting dalam satu (1) serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis tanpa nombor di Kampung Baru Subang, Shah Alam, Selangor pada 20 September 2023.

Serbuan yang dilakukan oleh sepasukan anggota Penguat Kuasa KPDN Putrajaya bermula kira-kira jam 1.30 petang itu adalah hasil risikan yang telah dilakukan beberapa hari sebelum operasi dilancarkan.

Tiada individu ditemui semasa serbuan itu, namun hasil pemeriksaan lanjut ke atas premis tersebut oleh pasukan serbuan telah menemukan beberapa peralatan yang dipercayai digunakan dalam aktiviti pemindahan gas petroleum cecair (LPG) daripada tong LPG berkapasiti 12kg dan 14kg bersubsidi kepada tong LPG berkapasiti 50kg tidak bersubsidi. LPG 50kg itu seterusnya dipercayai akan dijual semula kepada pihak industri dengan harga yang lebih rendah berbanding harga sebenar pasaran.



Beberapa unit tong gas kosong dan berisi pelbagai jenama berkapasiti 12kg, 14kg dan 50kg, alat timbang, set alat compressor, hos penyambung serta beberapa dokumen perniagaan lain yang turut ditemui telah disita bagi siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM28,380.00.



Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini akan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenalpasti individu/syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini serta mengenalpasti rantaian pengedaran LPG terbabit termasuk sumber LPG ini diperolehi dan diedarkan.

KAMI BERTINDAK!

2 KPDN giatkan pemantauan OPS JAMIN di seluruh Negara

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh meluangkan masa bagi bersama-sama turun padang melaksanakan pemeriksaan OPS JAMIN pada 17 Oktober 2023 bertempat di Capital Route Sdn Bhd dan Pasar Raya Super Seven, Cheras Jaya, Selangor.

Sesi turun padang ini dilakukan bertujuan untuk melihat sendiri situasi semasa yang berlaku di lapangan berhubung kedudukan bekalan dan harga beras di peringkat runcit serta barang keperluan harian yang lain termasuk gula, minyak masak dan sebagainya.

Kolaborasi bersepadu OPS JAMIN KPDN dan KPKM ini bagi memastikan keterjaminan bekalan beras dengan harga yang stabil dan terkawal untuk keperluan pengguna.

KPDN memberi jaminan akan terus membantu KPKM dalam melakukan pemeriksaan di bawah OPS JAMIN seluruh Negara.




Kerjasama strategik yang melibatkan penguatkuasaan, perkongsian maklumat dan pemantauan di antara KPDN dan KPKM melalui OPS JAMIN ini amat penting bagi mengenalpasti keseluruhan rantai pengedaran beras di semua peringkat pengilang hingga ke peringkat peruncit.

KPDN memberi jaminan akan terus membantu KPKM dalam melakukan pemeriksaan di bawah OPS JAMIN seluruh Negara.

Pada masa yang sama akan terus menggiatkan tindakan penguatkuasaan di bawah perundangan serta bidang kuasa KPDN terutamanya dalam menangani isu penukaran label kampit beras yang dikhawatir berlaku susulan pelarasan harga bahan beras putih import (BPI).

KPDN komited melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan beras di seluruh negara di samping barang keperluan harian lain serta menggalakkan pengguna untuk menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan maklumat dan aduan yang lengkap berhubung ketidakpatuhan ke atas undang-undang yang telah dikuatkuasakan oleh kementerian.



Malam Anugerah

Festival Teater Pengguna Siswa Universiti Awam Tahun 2023

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) berkenan untuk hadir dan menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Festival Teater Pengguna Siswa Universiti Awam (MAKUM) yang telah berlangsung pada 31 Oktober 2023 bertempat di Panggung Percubaan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Festival Teater Pengguna Siswa Universiti Awam merupakan medium penyampaian mesej berkoncepkan persembahan teater kalangan pelajar IPTA seluruh Malaysia dan penganjurannya pada tahun ini merupakan yang kedua dimana festival ini bermula 22 sehingga 30 Oktober 2023 dengan kerjasama strategik diantara KPDN, MAKUM dan Pusat Kebudayaan dan Kesenian, UPM.

Penyertaan pada kali ini mendapat sambutan dimana sebanyak 17 buah Universiti Awam seluruh Malaysia mengambil bahagian melibatkan seramai 340 pelajar IPTA.



Festival yang bertemakan Pengguna Bijak dan Kos Sarawak Hidup diketengahkan sebagai tema penganjuran pada tahun ini dan diserikan dengan persembahan teater yang cukup hebat dan menarik daripada pelajar IPTA yang mengambil bahagian pada festival teater kali ini.

Turut mengiringi YBhg. Dato' Seri KSU KPDN adalah YBrs. En. Mohd Zuhairi Mat Radey, Pengarah KPDN Selangor dan YBrs. Professor Dr. Arifin Abdu, Timbalan Naib Canselor (HEPA) UPM merangkap Pengerusi MAKUM.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**HOTLINE
GO DIGITAL**

SALURAN PERTANYAAN & ADUAN

KAMI SEDIAKAN PELBAGAI SALURAN UNTUK PERTANYAAN DAN ADUAN



WHATSAPP

**019-848 8000
019-279 4317**



APLIKASI EZ ADU KPDN



**TALIAN HOTLINE KPDN
1-800-886-800**



**PUSAT ARAHAN PENGUATKUASAAN
(ENFORCEMENT COMMAND CENTRE)**

03 8882 6088 / 6245



PORTAL E-ADUAN.KPDN

<http://eaduan.kpdn.gov.my>



EMEL
e-aduan@kpdn.gov.my



Waktu Operasi

ISNIN - JUMAAT

9.00 PAGI - 5.00 PETANG



Sorotan Lensa KPDN





Sorotan Lensa





Sorotan Lensa KPDN





Sorotan Lensa





RM225 JUTA

Kebajikan Luar Bandar

RM200 JUTA

Payung RAHMAH

RM12 JUTA

Kempen Beli Barang Malaysia

RM10 JUTA

Program Pengukuhan Francais

RM10 JUTA

Kepada MYcc

KAPSUL PENGGUNA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62623 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

TERBITAN:

